

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April, 1991

AKU 403 - PERAKAUNAN KOS

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Syarikat ABC mengeluarkan produk X dengan satu proses pengeluaran sahaja. Bahan dimasuk dalam proses apabila darjah kesempurnaan produk X adalah 22 peratus manakala kos penukaran dikenakan seragam secara pada keseluruhan proses.

Pemeriksaan ke atas produk X dibuat dua kali dalam proses tersebut. Pemeriksaan pertama berlaku apabila darjah kesempurnaan produk ialah 50 peratus. Biasanya kerosakan normal pada tahap ini ialah 5 peratus dan semua unit yang rosak di tahap ini akan dibuang. Pemeriksaan kedua berlaku di akhir proses dan kerosakan normal di tahap ini ialah 1 peratus. Unit-unit yang rosak di tahap ini boleh dijual pada harga \$5 seunit.

Inventori kerja dalam proses pada 1 Februari, 1991 ialah 2,000 unit dan bernilai \$1,600. Inventori ini hanya 20 peratus siap.

...2/-

AKU403

Di dalam bulan Februari, 1991, 12,000 unit dicampurkan ke dalam proses. Bilangan unit yang rosak pada pemeriksaan pertama ialah 1,000 unit dan kedua ialah 150 unit. Kos semasa bagi bulan Februari, 1991 ialah seperti berikut: bahan mentah \$70,000 dan kos penukaran - \$150,000. Kerja dalam proses pada 20 Februari, 1991 berjumlah 3,000 unit dan darjah kesempurnaannya ialah 80 peratus.

Bagi bulan Februari, 1991, dapatkan:

- (a) Jumlah kos bagi unit-unit yang dipindahkan ke inventori barang siap.
- (b) Jumlah kos inventori kerja dalam proses pada akhir bulan.
- (c) Kerugian dari kerosakan luar biasa.

[20 markah]

2. Syarikat B mempunyai dua jabatan perkhidmatan dan tiga jabatan pengeluaran yang masing-masing mengeluarkan produk yang tersendiri. Syarikat B memperuntukkan kos jabatan-jabatan perkhidmatan kepada jabatan-jabatan pengeluaran dengan menggunakan asas hasil jualan tahunan.

Di dalam laporan tahunan 1990, juruaudit dalaman syarikat tersebut, Encik Musa Hussein menyatakan bahawa kaedah peruntukan yang digunakan sekarang tidak tepat dan adil serta tidak menggambarkan penggunaan jabatan perkhidmatan yang sebenar. Beliau mencadangkan bilangan jam perkhidmatan kejuruteraan dan penyelenggaraan digunakan sebagai asas peruntukan yang baru.

Berikut ialah data operasi dan kos bagi suku tahun pertama 1991:

	Jabatan-jabatan			Pengeluaran	
	Perkhidmatan Penyelenggaraan	Kejuruteraan	Produk A	Produk B	Produk C
Jam penyelenggaraan	-	400	800	200	200
Jam kejuruteraan	400	-	800	400	400
Kos langsung jabatan	\$12,000	\$54,000	\$80,000	\$90,000	\$50,000

...3/-

AKU403

- (a) Berikan DUA sebab untuk menyokong kritikan Encik Musa Hussein terhadap penggunaan hasil jualan sebagai asas peruntukkan kos jabatan perkhidmatan kepada jabatan-jabatan pengeluaran.
- (b) Gunakan asas baru yang dicadangkan oleh Encik Musa Hussein untuk memperuntukkan kos jabatan-jabatan perkhidmatan kepada ketiga-tiga jabatan pengeluaran dengan menggunakan kaedah bersilang (reciprocal method), bagi sukutahun pertama 1991.
- (c) Dalam keadaan yang bagaimanakah penggunaan hasil jualan boleh diterima sebagai asas yang sesuai untuk memperuntukkan kos jabatan-jabatan perkhidmatan kepada jabatan pengeluaran?

[20 markah]

3. Syarikat Alpha mempunyai beberapa bahagian. Tiap-tiap bahagian dianggap sebagai satu pusat pelaburan. Alpha menilaikan prestasi setiap bahagian dengan menggunakan kaedah pulangan atas pelaburan (PAP). Tiap-tiap pengurus bahagian dijangka mendapat PAP lebih daripada kadar PAP minimum iaitu 10% bagi bahagian masing-masing. Bonus setiap pengurus adalah berasaskan kadar PAP yang dicapai oleh bahagiannya.

Untuk perhitungan PAP di Syarikat Alpha, pendapatan bersih bahagian ditakrifkan sebagai pendapatan tolak susutnilai (garis lurus) bagi aset-aset dan faedah atas pinjaman yang diambil oleh bahagian tersebut. Pelaburan ditakrifkan sebagai jumlah aset bersih (iaitu aset tolak susutnilai terkumpul) tolak liabiliti semasa.

Bahagian A ialah satu bahagian yang menguntungkan. Bagi tahun kewangan yang akan datang, pendapatan bersih bahagian A dijangka sebanyak \$64.4 juta berasas pada pelaburan sebanyak \$280 juta (sebelum apa-apa projek baru diambilkira). Jabatan penyelidikan di bahagian A telah memajukan satu produk baru yang akan memberi aliran masuk tunai bersih sebanyak \$8 juta setiap tahun bagi 5 tahun yang

AKU403

akan datang. Pelaburan sebanyak \$28 juta, yang diperlu untuk mengeluarkan produk baru, akan digunakan untuk membeli sebuah loji baru. Loji ini tidak mempunyai apa-apa nilai selepas lima tahun.

- (a) Gunakan analisis aliran tunai terdiskaun untuk menentukan sama ada bahagian A patut menerima projek baru ini.
- (b) Berasas pada sistem bonus semasa Syarikat Alpha, pada pendapat anda, adakah pengurus bahagian A akan mempunyai dorongan untuk menerima projek baru tersebut?
- (c) Bincangkan secara ringkas dan tepat tiga kelemahan kaedah PAP yang digunakan oleh Alpha bagi penilaian prestasi pusat pelaburan.

[20 markah]

4. Syarikat Handy Home Products mengedarkan dua produk kepada kedai-kedai barangan besi, iaitu gerudi tangan yang berkuasa tinggi (heavy duty hand drill) dan gergaji meja (table saw). Kedua-dua produk ini dibeli daripada seorang pengeluar yang melekatkan jenama 'Handy Home Products' kepada alat-alat tersebut. Harga jualan pemborong kepada kedai-kedai barangan besi adalah \$60 seunit bagi gerudi tangan dan \$120 seunit bagi gergaji meja.

Belanjawan bagi tahun semasa dan keputusan-keputusan sebenar adalah seperti yang ditunjukkan di bawah. Belanjawannya telah disediakan pada akhir tahun lalu berdasarkan kepada anggaran syer pasaran Handy Home Products bagi kedua-dua alat tadi.

Sepanjang suku tahun pertama tahun semasa, ramalan industri Handy Home Products menunjukkan bahawa besar kemungkinannya jumlah pesanan bagi peralatan tersebut adalah 10% lebih rendah daripada anggaran pihak pengurusan. Dalam daya usaha untuk menggelakkan kuantiti jualan daripada merosot seperti yang diberikan oleh ramalan industri, pihak pengurus membentuk dan melaksanakan satu program pemasaran. Program tersebut termasuklah memberikan diskaun kepada penjual dan

AKU403

meningkatkan lagi pengiklanan secara langsung. Juga di dalam program ini perhatian yang lebih diberikan kepada produk gergaji meja.

Penyata pendapatan Syarikat Handy Home Products
bagi tahun berakhir pada Mac 31, 1991

	Gerudi tangan		Gergaji meja		Jualan		Varians
	Belanjawan	Sebenar	Belanjawan	Sebenar	Belanjawan	Sebenar	
Jualan dalam unit	120	86	80	74	200	160	40
Hasil	\$7,200	\$5,074	\$9,600	\$ 8,510	\$16,800	\$13,584	\$3,216U
Kos barangan dijual	6,000	4,300	6,400	6,068	12,400	10,368	2,032F
Untung kasar	\$1,200	\$ 774	\$3,200	\$ 2,442	\$ 4,400	\$ 3,216	\$1,184U
Kos-kos tidak diperuntukkan:							
Kos jualan					\$ 1,000	\$ 1,000	\$ 0
Pengiklanan					1,000	1,060	60U
Pentadbiran					400	406	6U
Cukai pendapatan (45%)					900	338	562F
Jumlah					\$ 3,300	\$ 2,864	\$ 496F
Pendapatan bersih					\$ 1,100	\$ 412	\$ 688U

(a) Sediakan satu analisis varians yang memperincikan jumlah varians untung kasar sebanyak \$1,184,000U.

(b) Bincangkan kesan-kesan daripada program khas pemasaran seperti diskaun kepada penjual dan pertambahan pengiklanan ke atas keputusan-keputusan operasi sebenar. Sokongkan perbincangan anda dengan memberikan data-data yang berangka di mana perlu.

[20 markah]

...6/-

AKU403

5. Dalam dekad lapan puluhan, banyak syarikat mementingkan pencapaian mutu yang tinggi bagi pengeluarannya dengan menggunakan pendekatan kawalan mutu menyeluruh atau TQC (total quality control). Bincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang menggunakan TQC untuk mengukur mutu dan bagaimanakah syarikat-syarikat tersebut boleh mengatasi masalah yang dihadapi. Sila menggunakan contoh-contoh sesuai di dalam jawapan anda.

[20 markah]

6. (a) Syarikat XYZ menyewakan beberapa robot perindustrian untuk mengeluarkan produk-produknya. Syarikat ini membekalkan peralatan-peralatan mengikut kehendak khas pelanggan-pelanggan. Baru-baru ini Syarikat XYZ menerima satu pesanan bagi 8 unit mesin khas yang boleh dibuat dengan robot perindustrian atau buruh langsung yang mahir. Jika buruh langsung yang mahir digunakan, unit yang pertama memerlukan 1,400 jam buruh langsung. Pekerja-pekerja tersebut dibayar \$7.00 setiap jam dan unit-unit berikut akan menunjukkan kesan pembelajaran sebanyak 88%.

Jika robot industri digunakan, unit pertama memerlukan 1,150 jam. Kos sewa robot ialah \$6.00 sejam dan robot-robot tidak mempunyai keluk pembelajaran.

Untuk mengeluarkan 8 buah mesin khas tersebut, patutkah Syarikat XYZ menggunakan buruh mahir atau robot? Mengapa?

- (b) Bincangkan secara ringkas pro dan kontra sistem pengeluaran JIT.

[20 markah]

---ooo0000ooo---